KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	08/12/2021 (RABU)	MUKA SURAT	:	8
JABATAN	:	JPN SELANGOR			

SH 8.12.2021_8

Tidak boleh bina sebarang struktur di HSK

SHAH ALAM - Tiada sebarang struktur boleh dibina di dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) di Selangor tanpa mendapat kebenaran daripada pihak berkuasa negeri (PBN).

Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau serta Hal Ehwal Orang Asal negeri, Hee Loy Sian berkata, ini selaras dengan Seksyen 32, Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negeri Selangor 1985 (Pindaan 2018).

"Jika terdapat mana-mana orang disabitkan kesalahan di bawah Seksyen 32 ini, maka boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak kurang daripada enam bulan tetapi tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya," katanya ketika sesi Mesyuarat Kedua Persidangan Penggal Keempat Dewan Negeri Selangor ke-14 di sini pada Selasa.



Individu yang menceroboh hutan simpan di Selangor boleh didenda sehingga RM100,000.

Loy Sian berkata demikian bagi menjawab pertanyaan **Lee Kee Hiong (DAP-Kuala Kubu Bharu)** mengenai tindakan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor terhadap rumah kediaman yang dibina dalam kawasan HSK.



LOY SIAN

Menyentuh isu rumah yang didakwa berada dalam Hutan Simpan Bukit Tarek, Hulu Yam, Loy Sian menjelaskan perkara itu masih dalam penelitian lanjut Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS).

Katanya, isu tersebut memerlukan semakan bersama pihak Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) Selangor dan Pejabat Tanah dan Daerah.

Menurutnya, maklumat awal dari Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Selangor menyatakan kawasan terlibat iaitu Kampung Muhibbah atau dikenali Kampung Melayu Bukit Tarek itu telah diluluskan pemberimilikan bagi tujuan pertanian melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke-9/2004.

"Hasil semakan, sebanyak 227 plot telah didaftarkan hak milik dan lebih kurang 33 plot sahaja yang terdapat bangunan separa kekal atau kekal.

"Keseluruhan keluasan kawasan ini adalah 259.434 hektar yang meliputi 228 plot pertanian," kata Loy Sian.